



TERBITAN
50

2022
26 OGOS

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Jenaka di Alam Melayu: Takrifan, Amalan, dan Audiens – Bhg 1

Fairuzzaman Shaharudin

SIDANG REDAKSI

Penerbit:
**Program Kajian Sejarah
dan Serantau, Penang
Institute**

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
**Sheryl Teoh
Lokman Redzuan**

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

**PENANG
INSTITUTE**
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

KETIKA ribut-ribut kemelut kelab komedi, “Comedy Crackhouse Club” yang berlaku baru-baru ini, sekonyong-konyong sebuah eseи gemulah Salleh Ben Joned yang ditulis pada tahun 1991 bertajuk “*No Joking Please, It May Be Anti-Islam*” kembali berlegar di laman Facebook. Dalam perenggan awal eseinya, Salleh memetik kutipan daripada tulisan Bertolt Brecht mengenai humor:

“To live in a country without a sense of humour is unbearable; but it is even more unbearable in a country when you need a sense of humour.”

Salleh menynggung golongan fundamentalis, puritan, chauvinis yang dianggap sebagai “kill- joys”. Golongan ini juga didakwanya terlalu peka dan sensitif terhadap sesuatu isu. Salleh turut menghalakan kritikannya kepada golongan “sasterawan”. Sebahagian sasterawan didakwa terlalu serius dengan seninya sehingga hilang unsur-unsur humor dalam diri sendiri.

Asef Bayat (2010) dalam tulisannya juga mengajukan persoalan, “mengapa golongan fundamentalis sangat menentang sifat seronok (*fun*) dan gembira (*joy*)?”

Dalam tulisannya, Bayat mengaitkan sifat-sifat berseronok dan bergembira adalah ciri-ciri golongan muda. Justeru, generasi tua bertanggungjawab untuk “mengawal” sifat-sifat ini dengan cara “mendisiplinkan” orang muda dengan cara yang lebih serius.

Memang, pandangan Brecht dan Bayat berlainan dengan konteks negara ini; khususnya Brecht yang hidup pada zaman Nasionalisme Sosialisme dan Bayat pula memerhati pengalaman negara-negara Timur Tengah. Umumnya, masyarakat di Malaysia lebih rencam dengan kepelbagaiann etnik dan sub-etnik, budaya dan sub-budaya, agama dan kepercayaan bahkan amalan politik. Namun, beberapa hal yang dibangkitkan mereka ini mungkin boleh kita renungi bersama.

Pertama, bagaimana penerimaan jenaka dalam kalangan orang Melayu-Islam? Kedua, mengapa ada sebahagian jenaka yang dianggap sensitif? Persoalan pertama mungkin dapat kita telusuri dengan melihat kepada tiga aspek (i) takrifan, (ii) amalan dan; (iii) audiens. Persoalan kedua pula boleh kita kaitkan dengan tiga (3) faktor iaitu: (i) agama, (ii) budaya dan; (iii) jarak kuasa.

Takrifan dan Amalan

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, perkataan “jenaka” bermaksud: “Perbuatan atau kata-kata yang menggelikan hati, lawak; 2. Menggelikan hati, membangkitkan ketawa”. Takrifan Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) pula mentakrifkan “jenaka” sebagai, “membangkitkan tawa; kocak; lucu; menggelikan”. Perkataan jenaka juga sinonim dengan beberapa istilah lain seperti: senda gurau, kelakar, kecindan, jenaka, seloroh dan olok-olok. Selain daripada istilah jenaka, istilah seperti seloka dan sindiran juga sering digunakan; khususnya dalam teks-teks Melayu tradisional.

Secara etimologinya, perkataan jenaka dikatakan berasal daripada bahasa Urdu iaitu “janika”. Menurut Kamus Wilkinson (1932), istilah jenaka bermaksud “gurauan yang mempunyai maksud yang tersembunyi”. Perkataan seloka juga dikatakan berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu “shloka”. Hal ini dapat dilihat melalui bait-bait puisi “shloka” yang terdapat dalam kitab Mahabhrata.

Begitu juga dengan perkataan kias yang dipinjam daripada perkataan “Qiyas” dalam bahasa Arab. Seperti takrifan dalam Kamus Wilkinson, istilah “Qiyas” juga bermaksud “bercakap secara berselindung, bayangan”. Oleh hal yang demikian, dapat kita fahami bahawa istilah jenaka dikaitkan dengan senda gurau yang mempunyai maksud yang tersembunyi.

Umumnya, jenaka telah lama wujud dalam Alam-Melayu. Jenaka digunakan sebagai pesan moral dan juga mod pengajaran. Bahkan, unsur-unsur jenaka dapat dilihat dalam cerita-cerita rakyat, lipur lara, hikayat, wayang kulit dan lain-lain. Watak-watak jenaka dalam cerita rakyat juga sering dikaitkan dengan sifat-sifat yang negatif. Sebagai contoh, watak-watak Pak Dogol dan Wak Long dalam wayang kulit digambarkan sebagai manusia yang hodoh, kelakar dan pandir. Selain itu, watak Pak Pandir, Pak Kaduk dan Mat Jenin juga sering digambarkan dengan sifat-sifat yang sama.

Begitu juga dengan kisah-kisah Nasruddin Hoja yang digambarkan sebagai seorang yang kelakar dan pengacau melalui perbuatan dan tindakan-tindakannya. Daripada segi yang lain, terdapat juga cerita-cerita dongeng binatang

(*fable*) dalam cerita rakyat Melayu. Dongeng Sang Kancil misalnya menggambarkan sifat haiwan yang kecil tetapi licik (*cunning, slick*) ketika berhadapan dengan haiwan pemangsa yang lebih besar dan buas.

Cerita-cerita jenaka ini bukan sahaja dianggap sebagai hiburan. Bahkan mempunyai pesan moral yang ingin disampaikan, khususnya daripada generasi tua kepada generasi muda. Justeru, Winstedt & Sturrock (1941) mengelaskan watak-watak jenaka Melayu melalui tiga watak utama iaitu (i) wira (*heroes*); penjahat (*villains*) dan; (iii) si bodoh (*fools*). Namun, timbul persoalan, adakah watak-watak jenaka ini benar-benar bodoh dan pandir? Bagaimana kerangka tafsiran harian dan tafsiran autoriti boleh digunakan untuk menjelaskan persoalan ini?

Mengenali Audiens

Sebelum persoalan-persoalan ini kita rungkai, elok kita telusuri apakah bentuk audiens dalam kisah jenaka Alam Melayu. Menurut Andaya & Andaya (1982), permasalahan dalam sejarah Melayu timbul apabila kesusasteraan Melayu sangat bergantung kepada sumber lisan. Umumnya, orang Melayu bergantung kepada kekuatan *aural* dan *oral* yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain. Hal ini turut dibahaskan oleh Sweeney (1980, 1987) mengenai aspek audiens dan budaya tulisan yang telah diubah oleh kolonial British ketika era penjajahan. Hujah-hujah Sweeney akan dibincangkan secara lanjut selepas ini.

Shaiful Bahri (2000) menegaskan bahawa tukang cerita bertanggungjawab untuk “menapis” audiens yang berada di hadapannya ketika sebuah cerita mahu disampaikan. Misalnya, cerita jenaka yang berunsur seksual dikhaskan kepada audiens yang telah dewasa dan terbahagi pula antara yang sudah atau belum berkahwin. Cerita binatang pula dikhususkan kepada audiens kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, tukang cerita mempunyai kearifan khusus untuk menyampaikan cerita-ceritanya bergantung kepada audiens yang berada di hadapannya.

Namun, kedatangan kolonial British telah membawa perubahan budaya daripada *aural* dan *oral* kepada teks.

Sarjana-pentadbir seperti Wilkinson dan Winstedt yang berminat dengan budaya-budaya Melayu telah bertanggungjawab merekod, menterjemah, mengolah dan menerbitkan kembali sumber-sumber lisan kepada teks. Sebagai sarjana-pentadbir yang mempunyai peranan besar dalam bidang pendidikan di Malaya, teks-teks ini kemudiannya dimasukkan dalam sukatan pelajaran di sekolah, khususnya di sekolah vernakular aliran Melayu.

Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah vernakular aliran Inggeris tidak menggunakan sukatan ini. Sebaliknya, sukatan-sukatan sekolah ini diadaptasi daripada sekolah-sekolah di Britain, khususnya di Sekolah Eton. Tumpuan sukatan sejarah dan sastera di sekolah-sekolah aliran Inggeris tertumpu kepada sastera dan sejarah tamadun Barat.

Sastera istana dan sastera rakyat tempatan telah diselaraskan untuk menjadi sukatan pengajian di sekolah vernakular Melayu. Hal ini telah menjadikan teks-teks istana dan cerita-cerita rakyat diletakkan dalam kelompok yang sama tanpa mengira latar audiens. Tambahan lagi, sekolah-sekolah vernakular aliran Melayu yang disediakan oleh pihak British tidak berhasrat untuk menyediakan para pelajarnya sebagai pentadbir tertinggi dalam perkhidmatan kerajaan Inggeris. Hal ini kerana, golongan pelajar Melayu yang masuk ke sekolah ini datang daripada latar belakang rakyat biasa berbanding sekolah vernakular Inggeris yang dihadiri oleh anak-anak daripada golongan aristokrat dan bangsawan.

Oleh hal yang demikian, sastera istana dan sastera rakyat yang sepatutnya dinikmati oleh tingkat audiens

yang berbeza; kini telah dicampuradukkan. Bahkan, taraf kedudukan kedua-dua sastera ini turut direndahkan. Hal ini seperti yang ditulis dalam Laporan Winstedt pada tahun 1917 yang mencadangkan supaya, “*history teaching based on Malay chronicle be replaced by a more scientific method.*” Di sini Sweeney menghujahkan latar idiosinkratik Wilkinson dan Winstedt. Menurut Sweeney, mereka datang dari zaman kesusasteraan Romantisme Inggeris dan naturalisme. Pendidikan yang diterima oleh Wilkinson dan Winstedt datang daripada kaedah *diachronic*—iaitu fahaman bahasa yang berevolusi mengikut zaman.

Lawan daripada kaedah *diachronic* adalah *synchronic* iaitu kajian terhadap bahasa dalam zamannya sendiri. Oleh hal yang demikian, Wilkinson dan Winstedt bukan sahaja cenderung untuk mengelaskan bahasa dan sastera, tetapi juga watak-watak yang terkandung di dalamnya. Misalnya, watak-watak jenaka seperti Pak Kaduk, Lebai Malang, Pak Belalang, Pak Pandir dan Si Luncai yang dikelaskan Winstedt dalam *A History of Classical Malay Literature* (1939). Pengelasan yang dibuat oleh Winstedt ini dapat dilihat jelas apabila beliau telah mencirikan lima watak jenaka ini kepada tiga ciri iaitu (i) si bodoh; (ii) si bodoh atau dungu dan; (iii) si wira.

Lalu, bagaimanakah caranya untuk memahami sejarah panjang jenaka di alam Melayu ini dalam konteks masyarakat Melayu-Islam pada hari ini? Untuk itu, kita setidak-tidaknya perlu meneliti dua konsep sosiologi yang penting iaitu tafsiran harian (*everyday-defined*) dan tafsiran autoriti (*authority-defined*). Kedua-dua konsep ini akan dibincangkan dalam bahagian kedua.

*Esei ini akan bersambung dalam bahagian kedua yang akan diterbitkan pada minggu hadapan.



Fairuzzaman Shaharudin merupakan seorang pelajar di Goethe-Universität. Tumpuan kajiannya adalah mengenai satira politik.

RUJUKAN

- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 1982. *A History of Malaysia*. London: United Kingdom: Macmillan Education LTD.
- Cohn, B.S. 1996. *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India*. Princeton: New Jersey: Princeton University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Klapp, O.E. 1954. Heroes, Villains and Fools, as Agents of Social Control. *American Sociological Review* 19(1): 56–62.
- Shaiful Bahri Md Radzi. 2000. Malay Humorous Tales: Performance, Corpus Of Oral Texts And Its Study. University of London.
- Shamsul A.B. 1996. The construction and Transformation of a Social Identity : Malayness and Bumiputeraness Re-Examined. *Journal of Asian and African Studies* (52): 15–33.
- Shamsul A.B. 1999. Colonial Knowledge and the Construction of Malay and Malayness: Exploring the Literary Component. SARI: *Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu* (17): 3– 17.
- Sweeney, A. 1980. *Authors and audiences in traditional Malay literature*. Berkeley: University of California Press.
- Sweeney, A. 1987. *A Full Hearing: Orality and Literacy in the Malay World*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- Wilkinson, R.J. 1932. *A Malay-English Dictionary*. (romanised. Mytilene: Greece: Salavopoulos & Kinderlis.
- Winstedt, R.O. 1933. *Malaya and Its History*. London: United Kingdom: Hutchinson's University Library.
- Winstedt, R.O. 1992. *A History of Malay Classical Literature*. (Talib, Y. A., Ed.) Malaysian. Petaling Jaya: Malaysia.: Eagle Trading Sdn. Bhd.
- Winstedt, R.O. & Sturrock, A. 1941. *Cherita Jenaka iaitu Pa' Kadok, Pa' Pandir, Lebai Malang, Pa' Belalang, Si-Luncai*. Singapore: Malay Publishing House.